

# Kanak-kanak autisme teruja

**Terapi air bantu kanak-kanak autisme, ibu bapa**

STII FATHIAH AWANG

KOTA BHARU

Bukan hanya bantu anak autisme, ibu bapa juga perlu dibantu bagi memastikan mereka bersedia dengan persekitaran anak-anak.

Pengasas Aqua Therapy Sparisk For Autistik, Jazredal Aboob Bakar berkata, salah satu caranya ialah dengan membantu ibu bapa mendidik dan mengawal anak-anak melalui terapi air.

Menurutnya, terapi itu

dapat membantu menghilangkan rasa takut, membina hubungan dan kepercayaan.

"Kita ajar bagaimana mereka berhati-hati di dalam air dan tidak berasa tertekan. Ini akan mencipta suasana sosial bersama rakan-rakan.

"Langkah ini penting untuk membawa anak-anak tersebut keluar daripada perasaan gusar, takut dan terlalu bergantung pada ibu bapa. Ini salah satu cara kita bantu ibu bapa untuk didik anak-anak mereka," katanya.

Aqua Therapy Sparisk terpilih mengendalikan bengkel bersama lebih 20 kanak-kanak autisme di negeri ini melalui program khidmat sosial masyarakat Bank Rakyat, di sini, semalam.

Jazredal yang juga Pengetua Muslim Swimming and Sport Academy berkata, pihaknya mempunyai lapan



Peserta program Terapi Air bersama tenaga pengajar dan wakil Bank Rakyat sebelum memulakan aktiviti.

tenaga pengajar profesional yang terdiri daripada doktor psikologi dan pelbagai bidang yang diliktiraf melalui persijilan daripada Malaysia Swimming Teachers' Association dan International Federation of Swimming

Teachers' Associations.

Katanya, pihaknya juga melaksanakan program bengkel terapi air tersebut kepada ibu bapa dan anak-anak autisme di seluruh Malaysia.

"Kita buat kerana hati, bukan wang. Kita mahu bantu ibu

bapa ini menjadi kawan kita, untuk bantu anak-anak mereka. Selepas sesi bengkel, saya akan selaku hubungi ibu bapa yang pernah mengikuti program untuk memastikan graf kedudukan anak-anak mereka sentiasa bertambah baik."

"Itu yang penting, kita tidak mahu apa yang kita ajar dan kongsi, hanya untuk hari bengkel sahaja. Tetapi kita mahu ia berkekalan," katanya.

Sementara itu, Roselina Mohamad Mahiddin, 53, ibu kepada Muhammad Farid Paldruddin Md Fauzan, 20, berkongsi keterujaan dengan program tersebut.

"Terima kasih kepada pihak Bank Rakyat kerana bantu mengelehahkan kami kepada Aqua Therapy Sparisk. Insya-ALLAH kami akan gunakan sebaik mungkin ilmu yang dikongsikan tenaga pengajar," katanya.

Perkara sama dikongsi Roslina Hillaluddin, 51, yang memberitahu, walaupun anaknya, Muzaffar Akmal Mustapa Kamal, 27, memang meminati aktiviti air, namun pengalaman diperoleh kali ini sedikit sebanyak mengajarinya lebih berdikari.